

25/06/1997

Jambatan: Terserah kepada Kerajaan Pusat

KERAJAAN negeri menyerahkan kepada kebijaksanaan Kerajaan Pusat dalam menentukan lokasi sesuai bagi cadangan membina jambatan menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan negeri akan menunggu keputusan Kerajaan Pusat berikutan ada perbezaan pendapat mengenai lokasinya iaitu Melaka dan Negeri Sembilan, selain Johor.

Beliau bagaimanapun, percaya kajian mengenai lokasi sesuai untuk didirikan jambatan itu akan mengambil kira kedudukan fizikal serta kepentingan teknikal dan komersil kawasan terbabit.

Menurutnya, Kerajaan Pusat juga sudah tentu mengambil kira lokasi strategik untuk dibina lebuh raya pantai di barat Semenanjung sama ada di sebelah utara atau selatan termasuk Johor dan Melaka.

"Ada pendapat mengatakan di sebelah selatan barat Johor iaitu Kukup adalah kawasan yang paling hampir dengan Sumatera tetapi ada pendapat lain mengatakan kawasan paling hampir ialah di Merlimau dan Port Dickson, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT), di sini hari ini.

Seminar dua hari itu dianjurkan bersama Institut Kajian Strategik & Kepemimpinan Asia (Asli), Institut Sultan Iskandar (ISI) dan Perbadanan Johor (PJ) serta ditaja Yayasan Hanns Seidel (HSF).

Ia dihadiri ahli perniagaan dari rantau IMS-GT bertujuan mengalakkan kerjasama ekonomi tiga hala serta membincangkan aspek berkaitan peluang perniagaan, pelaburan, teknologi, alam sekitar, pelancongan dan sumber manusia.

Turut hadir ialah Presiden Asli, Mirzan Mahathir; Pengarah Residen HSF, Christian J Hegemer; Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Datuk Dr Ahmad Zaharudin Idrus dan Pengerusi Eksekutif PJ, Datuk Mohd Ali Hashim.

Abdul Ghani menjangka pembinaan jambatan Semenanjung-Sumatera di kawasan Kukup akan menimbulkan masalah dari segi pengambilan tanah terutama jika lebuh raya pantai dibina melalui kawasan terbabit.

Beliau ditanya mengenai persetujuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Sukarno mengenai kemungkinan membina jambatan berkenaan. (see CORRECTION above)

Kedua-dua pemimpin itu berbincang mengenai kemungkinan membina jambatan terbabit ketika bertemu selama 20 minit ketika menghadiri sidang puncak pertama lapan negara membangun (D8) di Istanbul, minggu lalu.

Cadangan pembinaan jambatan itu dilihat sebagai tidak mustahil kerana jarak dua lokasi terdekat di antara Semenanjung dan Sumatera hanyalah 24 kilometer.

Abdul Ghani bagaimanapun, menjelaskan pembinaan lebuh raya pantai di negeri ini agak sukar kerana masalah kepadatan pemilikan tanah di barat Johor yang kebanyakannya dimiliki pekebun kecil.

"Tanah di kawasan di Batu Pahat, Muar dan Pontian itu semuanya milik pekebun kecil dan tidak ada ladang besar di kawasan berkenaan yang sudah lama didiami penduduk terbabit," katanya.

(END)